

16 SEP 1999

Mahathir-negara

BN BERJAYA BANGUNKAN NEGARA, KATA PM

LABUAN, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) telah memastikan kaum Bumiputera mendapat kekayaan ekonomi dan bukan Bumiputera pula mendapat peranan dalam politik dan kerajaan.

Menurut Perdana Menteri dengan perkongsian seperti ini negara telah menjadi aman damai, membangun dengan pesat dan kini sudah menjadi negara yang ke-17 terbesar dalam perdagangan antarabangsa.

"Cuma pada tahun 1969 berlaku rusuhan di negara kita dan kerana rusuhan kaum ini pihak Barat mengatakan Malaysia tidak akan aman dan tidak dapat dibangunkan selama-lamanya," katanya pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri lebih 10,000 penduduk di Dataran Labuan di sini.

Katanya pengajaran daripada peristiwa 13 Mei ialah dalam bidang ekonomi, kaum Bumiputera merasakan mereka tidak mendapat manfaat daripada kekayaan negara, dan dari segi politik pula kaum bukan Bumiputera mahu peranan dalam pentadbiran negara dan kerajaan.

"Oleh itu, BN mencipta dasar bagi meastikan semua rakyat menikmati kekayaan dan dapat sama-sama memerintah negara... BN pastikan Bumiputera dapat berkecimpung dalam bidang ekonomi dan bukan Bumiputera dalam politik," katanya

Dr Mahathir berkata rakyat perlu memberikan sokongan kepada kerajaan dan Perdana Menteri yang menerajui pemerintahan negara.

Katanya tanpa sekongan padu daripada rakyat tidak mustahil seorang Perdana Menteri yang bijak dan berani sekalipun tidak akan dapat melakukan apa-apa untuk memajukan dan membangunkan negara.

"Seorang Perdana Menteri yang mendapat sokongan besar walaupun dia kerdil, tetapi kerana sokongan rakyat, dia berani berbuat apa saja untuk kebaikan negara," katanya.

Katanya sokongan rakyat amat penting kerana dengan sokongan yang diberikan selama ini telah memberikan banyak kejayaan kepada negara termasuk dalam soal mempertahankan diri daripada serangan spekulator matawang.

"Berkat sokongan rakyat ekonomi kita pulih semula...Kita bukan nak tunjuk dada nak kata kita pandai, berani tetapi nak buktikan kepada dunia kita boleh pertahankan negara kita," katanya.

Mengenai Labuan Dr Mahathir berkata ia dijadikan sebahagian Wilayah Persekutuan bukan supaya Kerajaan Pusat mempunyai banyak wilayah tetapi semata-mata untuk membangunkan pulau itu untuk kesejahteraan rakyat.

Katanya sejak menjadi sebahagian Wilayah Persekutuan, Kerajaan Pusat telah membelanjakan lebih RM1 bilion untuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan awam seperti hospital dan jalan raya di pulau itu.

"Kita hendak jadikan seluruh pulau Labuan seperti taman dan ini bermakna rakyat di sini akan tinggal dalam taman...satu kehidupan yang tidak wujud di tempat-tempat lain di negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan perancangan dan pembangunan yang akan dilaksanakan di Labuan, penduduk di pulau itu akan menjadi antara rakyat yang sangat beruntung di negara ini.

--BERNAMA

MT RI